

HURAIAN MUQADDIMAH KITAB

“سفينۃ النجاة في ما يجب على العبد لمولاه”

“Bahtera Keselamatan Tentang Kewajiban Hamba kepada Allah”

KULIAH “FAZAKKIR” PENGAJIAN FIQH

OLEH UST M.RIDZUAN HAMIZAN, 24 JULAI 2020 (JUMAAT), 10.30 PAGI

Susunan semula oleh;

Ustaz Muhammad Tarmizi bin Abdul Rahman

Pengarah Pusat Islam UPSI

Segala puji dan puja yang tertentu dirafa’kan bagi Allah SWT tuhan takluk sekalian alam, Dialah tuhan yang layak disembah dengan sebenar-benar sembah, dan Dia lah juga tuhan yang telah menciptakan kita yang pada asalnya daripada setitik air yang tidak bererti yang dinamakan ia sebagai mani, lalu disimpan di dalam sebuah “empangan” yang kukuh dinamakan ia sebagai rahim ibu, dalam tempoh waktu yang ditetapkan maka lahirkan kita di dunia ini diiringi dengan nikmat-nikmat daripada Allah SWT. Dan sebesar-besar nikmat yang kita perolehi, adalah nikmat islam dan iman.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad SAW, yang mana syafaat dan bantuan daripada baginda Nabi SAW lah yang kita dambakan di akhirat kelak, ke atas ahli keluarganya ,para sahabatnya dan orang-orang yang mengikuti jejak langkahnya.

Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT, perbahasan kitab *Safinatun Najah* yang dikarang oleh Syeikh As Salim Samir al-Hadrami Al-Syafei Rahimahumullah Taala, diteruskan dengan muqaddimah kitab. Kata pengarang:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. وَصَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ النَّبِيِّينَ،
وَأَلِّهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

“Segala puji hanya bagi Allah tuhan sekalian alam, dan dengannya kami memohon pertolongan atas segala urusan dunia dan agama dan semoga Allah merahmati dan memberi penghormatan ke atas penghulu kita nabi Muhammad SAW penutup para nabi dan ke atas ahli keluarganya dan para sahabat semuanya. Dan tiada daya upaya melainkan pertolongan Allah yang maha tinggi lagi maha agung.”

Pengarang kitab memulakan penulisan kitabnya dengan kalimah “الحمد لله رب العالمين”, pada kalimah “*alhamdu*” itu dari segi Bahasa bermaksud pujian yang sudah pastinya menggunakan lidah dengan penuh kerelaan hati terhadap sesuatu perkara yang baik. Pujian tidak dianggap puji jika ia adalah satu paksaan. Contohnya memuji akhlak seseorang yang bersopan santun dan dermawan, pujian ini keluar dari mulut kita dengan penuh kerelaan hati untuk menzahirkan sifat baik mereka.

Manakala dari segi istilah: kalimah “*Alhamdu*” bermaksud memuji dengan lidah sambil mengakui keagungan pemberi nikmat, iaitu Allah SWT. Segala bentuk kejadian yang ada atas muka bumi ini, jika kita pujiNya samada puji makhluk atau benda yang baik, maka pujian itu kembali kepada Allah SWT, iaitu Tuhan kepada sekalian alam (رب العالمين) yang mana dialah Tuhan yang menciptakan segala perkara yang baik itu.

Di dalam kitab “*kifayatul akhyar*” karangan Imam Taqiyyudin Abu Bakar Muhammad Al-Hushni Al-Husaini Al-Dimasyq, yang dimaksudkan dengan pujian itu ialah memuji Allah SWT kerana keindahan sifat-sifatNya. Puji itu tanda kita bersyukur di atas nikmat pemberianNya. Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 7 yang bermaksud “...Jika kamu bersyukur nescaya aku akan tambahi nikmat ku ke atas kamu”. inilah yang boleh dikaitkan pada kalimah “*Hamdalah*” pada awal penulisan kitab ini.

Oleh yang demikian, makna syukur dari segi Bahasa adalah sama dengan kalimah “*alhamdu*”, iaitu kita melafazkan syukur dengan lidah, manakala dari segi istilah ialah perbuatan hamba yang menggunakan segala nikmat Allah yang dikurniakan kepadanya sesuai dengan tujuan nikmat itu diciptakan. Gunakan nikmat itu dengan adil, yang sesuai pada tempatnya. Contohnya kekayaan yang dikurniakan, digunakan untuk membantu agama Allah SWT, bukannya berbuat maksiat. Jika tidak, ia dianggap zalim, iaitu tidak meletakkan sesuatu pada tempatnya.

Justeru, nikmat yang Allah SWT berikan hendaklah kita selalu sebutkan, iaitu dengan memujinya, dalilnya Allah SWT berfirman : وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ yang bermaksud “Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepadaNya”. [Surah ad-dhuha: 11]

Imam Nawawi Rahimahullah, menyebutkan: “Sunat memuji Allah SWT pada awal kitab-kitab yang dikarang”, sunat juga diucapkan ketika hendak memulakan kelas pengajian atau ketika murid hendak membaca di hadapan guru-guru mereka sama ada membaca hadis, fekah atau lain-lain. Sebaik-baik ucapannya “الحمد لله رب العالمين”, tujuannya untuk mendapatkan pahala sunat memuji Allah SWT.

Pada kalimah “*Hamdalah*” ada empat (4) hukum menyebutnya. Yang pertama hukum WAJIB, iaitu pada memulakan bacaan khutbah jumaat. Yang kedua hukum SUNAT, iaitu dalam setiap keadaan seperti memulakan doa, selepas makan, minum, ketika khutbah nikah dan lain-lain. Hadis Nabi SAW dalam kitab “*La Tahqiranna min al-Ma'rufi Syai'an*” yang disusun oleh Syeikh Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki, menghuraikan apabila seseorang itu lapar kemudian dikenyangkan oleh Allah SWT, ataupun haus kemudian dihilangkan dahaganya, lalu ia membacakan “الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنَا” “وَسَقَانَا، وَجَعَلَنَا مُسْلِمِينَ” , maka akan dihapuskan dosanya seolah-olah baru dilahirkan oleh ibunya. Ini adalah contoh kelebihan orang yang membaca “*hamdalah*” setelah mendapat nikmat daripada Allah SWT. Justeru, sunat juga membaca “*hamdalah*” setelah selesai melakukan perkara yang baik-baik. Demikian juga sunat dibaca ketika hendak menutup bacaan kitab atau doa dengan bacaan....” و صلى الله على سيدنا محمد وآله وصحبه وسلم والحمد لله رب العالمين”

Yang ketiga hukum MAKRUH, iaitu apabila dibacakan di tempat yang tidak sesuai, contohnya di dalam tandas atau di tempat yang kotor, pembuangan sampah, tempat penyembelihan atau tempat yang sudah ma'ruf (diketahui) di dalamnya berlaku dosa, contohnya di tempat menjual arak lalu dilihat arak-arak itu dan diucapkan “*Alhamdulillah*” maka hukumnya makruh.

Yang keempat hukum HARAM, iaitu di tempat yang sedang berlaku maksiat, contohnya orang yang berzina lalu diucapkan kalimah “*hamdalah*”, maka hukumnya adalah haram. Sepatutnya ia beristiqhfar (memohon keampunan daripada Allah SWT).

Rukun menyebut atau melafazkan “*Hamdalah*” pula ada lima (5). Pertama “HAMID” iaitu orang yang memuji. Kedua “MAHMUD” iaitu makhluk atau objek yang dipuji, Ketiga “MAHMUD BIH” iaitu yang dipuji denganya iaitulah “lidah”. Keempat “MAHMUD ILAIHI” yang dipuji ke atasnya iaitu nikmat objek/makhluk, dan yang kelima “SIQHAH” iaitu ucapan pujian.

Manakala jenis-jenis “*hamdalah*”, terbahagi kepada empat (4): Pertama pujian “QADIM ILA QADIM” iaitu pujian Allah terhadap diriNya, contoh dalam surah al-isra’ ayat 1, “سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ” “لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ”

Yang bermaksud : “Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Dalam Surah al-anfal ayat 40, Allah SWT berfirman: “يَوْمَ الْمَوْلَىٰ وَنَعِمَ النَّصِيرُ” yang bermaksud “...Dia lah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong (yang menyelamatkan dan menjayakan kamu)”.

Yang kedua: Pujian “QADIM ILA HADIS”, iaitu pujian Allah SWT kepada makhluk. Dalam surah as-sad, ayat 30, Allah SWT memuji Nabi Daud dan Nabi Sulaiman a.s : “وَوَهَبْنَا لِدَاوُدَ سُلَيْمَانَ ۗ يَوْمَ الْعِبَادَةِ إِنَّهُ” “أَوَّابٌ” bermaksud “Nabi Daud dan Nabi sulaiman adalah sebaik-baik hamba dan sangat taat kepada tuhanNya...”. Begitu juga Allah SWT memuji Nabi Muhammad SAW dalam surah al-Qalam ayat 4: “وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ” yang bermaksud: “...dan Sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung”.

Yang Ketiga: pujian “HADIS ILA QADIM”, iaitu pujian hamba/makhluk kepada TuhanNya, contohnya dalam surah al-fatihah ayat 2, Allah berfirman, “الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ” bermaksud “Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam”.

Yang Keempat: Pujian “HADIS ILA HADIS”, iaitu puji makluk kepada makluk, contohnya dengan memuji kecantikan rakannya. Puji seperti ini tidak lain akan kembali kepada Allah SWT, kerana Allah SWT lah yang menciptakan kecantikan itu.

Seterusnya, kalimah “لِلَّهِ” LILLAHI, pula disebut sebagai “lafzul jalalah”, kalimah yang teragung iaitu Allah SWT yang bersifat “wajibul wujud”. Manakala kalimah “رَبِّ” RABB pula bermaksud “memiliki”, iaitu Tuhan yang memiliki, contohnya kita sebut tuan rumah “sahib al bait”, atau “rabbul bait”. Demikian juga kalau berdoa kita sebut Ya Rabbi, Ya Tuhan kami, iaitu yang memiliki. Kami ini adalah milik engkau Ya Allah.

Seterusnya kalimah “الْعَالَمِينَ” AL-ALAMIN, iaitu nama (*isim*) khas, digunakan untuk yang berakal, seperti manusia, jin dan malaikat. *Mufradnya* “alam”, bermaksud “ما سوى الله” selain daripada Allah SWT. Justeru, bila kita menyebut “الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ” maksudnya kita memuji Allah SWT yang memiliki segala apa yang ada di semesta alam ini.

Seterusnya kalimah “وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ” WABIHI NASTA’IN ALA UMURIDDUNYA WADDIN: dan denganNya kami meminta pertolongan, iaitu kepada Allah sahajalah yang kami meminta pertolongan atas setiap perkara dalam segala urusan dunia dan agama, serta tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu yang lain. Begitu juga segala perkara yang berkaitan dengan nikmat Allah, maka jadikanlah ia sebagai jariah kepada hambaNya di akhirat nanti.

Kalimah seterusnya “وَصَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ النَّبِيِّينَ” WASALLAHUMMA WASALLAMA ‘ALA SAIDINA MUHAMMAD KHATAMAN NABIYIN, dan Allah SWT berselawat/memberikan rahmatNya kepada Nabi Muhammad SAW penutup semua Nabi. Sekiranya, seseorang hamba ingin berhubungan dengan Allah SWT, maka ia dilakukan melalui ibadah SOLAT, kalau dengan Nabi melalui SELAWAT, kalau sesama manusia melalui SILATURRAHIM, dan kalau dengan musuh ada juga, iaitu melalui BERSILAT.

Selawat berlaku atas (tiga) 3 makna, dalilnya firman Allah SWT dalam surah *al-Ahzab* : ayat 56, “إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا” yang bermaksud “*Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu ke atas Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya*”.

Sekiranya selawat itu daripada Allah SWT, maksudnya itu adalah rahmat atau pemberian daripada Allah SWT dan juga sebagai pengangungan kepada Nabi SAW. Manakala jika selawat itu daripada Malaikat, maksudnya sebagai “*istighfar*” atau permohonan pengampunan atas kesalahan-kesalahan bukan atas dosa, kerana nabi-nabi semuanya “maksud” (bebas daripada melakukan dosa). Kesalahan-kesalahan yang berlaku adalah disebabkan keterlupaannya, kekekaan atau ketidaksengajaan yang bertujuan mengajar ummat. Contohnya, suatu ketika Nabi SAW pernah terlupa rakaat solat asar (dikerjakan hanya 3 rakaat), apabila ditegur oleh para sahabat, lalu Rasulullah SAW mengatakan “*Sesungguhnya aku telah dilupakan oleh Allah SWT untuk mengajar ummat*”.

Jika selawat itu daripada manusia, maka selawat itu tandanya munajat dan juga doa. Jangan lupa untuk berselawat dalam setiap doa, kerana di akhirat nanti kita inginkan kepada syafaat daripada Nabi SAW selaku kekasih Allah. Orang yang banyak berselawat kepada Nabi SAW itu tandanya dia cintakan Nabi, dan ia memohon daripada Allah SWT supaya Nabi SAW memberikan syafaat kepadanya di akhirat kelak. Suatu ketika bila ditanya Nabi SAW, dengan siapa seseorang akan masuk syurga maka kata Nabi SAW, “...*iaitu dengan siapa yang kamu cintai*” :

رواه أنس بن مالك رضي الله عنه؛ أَنَّ رجلاً سأل النبي صلى الله عليه وآله وسلم عن الساعة، فقال: مَتَى السَّاعَةُ؟ قَالَ: ((وَمَا أَعْدَدْتُ لَهَا؟)) قَالَ: لَا شَيْءَ إِلَّا أَنِّي أُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ، فَقَالَ: ((أَنْتَ مَعَ مَنْ أَحْبَبْتَ))

Seterusnya perbincangan kalimah “وَصَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ عَلَى” WASALLAMA ‘ALA. Iaitu sebagai satu tanda penghormatan. Imam Rifai berkata selawat dan salam, adalah Allah SWT mengagungkan nabi Muhammad SAW di dunia dengan memasyhurkan sebutan nama baginda dan mengekalkan syariatNya. Jikalau kita menyebut nama “Muhammad” di seluruh dunia, maka semua orang kenal nama “Muhammad”. Begitulah Allah SWT memasyhurkan nama baginda di dunia.

Imam Musirin dalam burdahNya, mengungkapkan “محمد بشر لا كالبشر بل هو كالياقوت بين الحجر”, bermaksud “*Nabi Muhammad itu adalah seorang manusia, namun tak seperti manusia, la bagaikan batu permata di antara bebatuan*”.

Bersambung dalam perbincangan seterusnya pada kalimah “مُحَمَّدٍ خَاتَمِ النَّبِيِّينَ”, MUHAMMAD KHATAMAN NABI. Tamat.